



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 5 MAC 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>PINDAAN PERUNDANGAN BERKAITAN KEGANASAN RUMAH TANGGA DIKAJI SEMASA KE SEMASA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1368301/pindaan-perundangan-berkaitan-keganasan-rumah-tangga-dikaji-semasa">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1368301/pindaan-perundangan-berkaitan-keganasan-rumah-tangga-dikaji-semasa</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://selangorkini.my/2025/03/kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-kepada-7116-kes-pada-2024/">https://selangorkini.my/2025/03/kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-kepada-7116-kes-pada-2024/</a>	SELANGORKINI.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/04/domestic-violence-cases-surge-to-record-high-in-2024-ministry-reports">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/04/domestic-violence-cases-surge-to-record-high-in-2024-ministry-reports</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193109/kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-kepada-7116-kes-pada-2024">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193109/kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-kepada-7116-kes-pada-2024</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://umno-online.my/2025/03/04/tempat-perlindungan-disedia-untuk-mangsa-dera-libatkan-kes-serius-noraini/">https://umno-online.my/2025/03/04/tempat-perlindungan-disedia-untuk-mangsa-dera-libatkan-kes-serius-noraini/</a>	UMNO-ONLINE.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2398740">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2398740</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.sinardaily.my/article/225946/focus/national/domestic-violence-cases-increase-to-7116-in-2024">https://www.sinardaily.my/article/225946/focus/national/domestic-violence-cases-increase-to-7116-in-2024</a>	SINARDAILY.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2398758">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2398758</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://selangorjournal.my/2025/03/domestic-violence-cases-rise-nearly-30-pct-in-2024/">https://selangorjournal.my/2025/03/domestic-violence-cases-rise-nearly-30-pct-in-2024/</a>	SELANGORJOURNAL.MY	
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-pindaan-akrt-dikaji">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kes-keganasan-rumah-tangga-meningkat-pindaan-akrt-dikaji</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/04/domestic-violence-cases-top-7000-in-2024/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/04/domestic-violence-cases-top-7000-in-2024/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1183471/ministry-review-laws-after-surge-domestic-violence">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1183471/ministry-review-laws-after-surge-domestic-violence</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/parliament-domestic-violence-cases-increase-to-7116-in-2024-OA13759160">https://thesun.my/malaysia-news/parliament-domestic-violence-cases-increase-to-7116-in-2024-OA13759160</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1183454/domestic-violence-cases-surge-record-7116-cases-last-year">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1183454/domestic-violence-cases-surge-record-7116-cases-last-year</a>	NST.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>JKM PAHANG NAFI KELUAR SURAT TAWARAN SEBUT HARGA, SETUJU TERIMA PERABOT</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/715836/berita/semasa/jkm-pahang-nafi-keluar-surat-tawaran-sebut-harga-setuju-terima-perabot">https://www.sinarharian.com.my/article/715836/berita/semasa/jkm-pahang-nafi-keluar-surat-tawaran-sebut-harga-setuju-terima-perabot</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>WARGA EMAS JAGA CUCU OKU TERIMA BANTUAN KEWANGAN DARIPADA PM</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/warga-emas-jaga-cucu-oku-terima-bantuan-kewangan-daripada-pm">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/warga-emas-jaga-cucu-oku-terima-bantuan-kewangan-daripada-pm</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193146/pm-hulur-sumbangan-buat-warga-emas-jaga-cucu-oku">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193146/pm-hulur-sumbangan-buat-warga-emas-jaga-cucu-oku</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php/dunia/nnews.php?id=2398623">https://www.bernama.com/bm/news.php/dunia/nnews.php?id=2398623</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2398628">https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2398628</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/elderly-woman-taking-care-of-disabled-grandson-receives-pms-financial-assistance">https://berita.rtm.gov.my/highlights/senarai-berita-highlights/senarai-artikel/elderly-woman-taking-care-of-disabled-grandson-receives-pms-financial-assistance</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2398623">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2398623</a>	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>ELAK PELAKU KEGANASAN RUMAH TANGGA TIDAK TERUS BEBAS</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://harakahdaily.net/index.php/2025/03/04/elak-pelaku-keganasan-rumah-tangga-tidak-terus-bebas/">https://harakahdaily.net/index.php/2025/03/04/elak-pelaku-keganasan-rumah-tangga-tidak-terus-bebas/</a>	HARAKAHDAILY.NET	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>OKU PERLU KEYAKINAN DIRI UNTUK MASUKI DUNIA PEKERJAAN</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/03/04/oku-perlu-keyakinan-diri-untuk-masuki-dunia-pekerjaan/">https://malaysiagazette.com/2025/03/04/oku-perlu-keyakinan-diri-untuk-masuki-dunia-pekerjaan/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>PENGASUH DIPENJARA 12 BULAN KERANA TOREH PIPI KANAK-KANAK</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/pengasuh-dipenjara-12-bulan-kerana-toreh-pipi-kanak-kanak/">https://www.buletintv3.my/nasional/pengasuh-dipenjara-12-bulan-kerana-toreh-pipi-kanak-kanak/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-ditahan-disyaki-dera-kanakkanak-lelaki-enam-tahun-hingga-mati-511063">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-ditahan-disyaki-dera-kanakkanak-lelaki-enam-tahun-hingga-mati-511063</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/715856/berita/semasa/kanak-kanak-6-tahun-maut-disyaki-didera-pengasuh-suami">https://www.sinarharian.com.my/article/715856/berita/semasa/kanak-kanak-6-tahun-maut-disyaki-didera-pengasuh-suami</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/03/04/kanak-kanak-6-tahun-maut-pengasuh-dan-suami-ditahan/">https://www.kosmo.com.my/2025/03/04/kanak-kanak-6-tahun-maut-pengasuh-dan-suami-ditahan/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-ditahan-disyaki-dera-kanakkanak-lelaki-enam-tahun-hingga-mati-511063">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengasuh-ditahan-disyaki-dera-kanakkanak-lelaki-enam-tahun-hingga-mati-511063</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1368431/pengasuh-mengaku-aniaya-kanak-kanak-dipenjara-12-bulan-jalani-khidmat">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1368431/pengasuh-mengaku-aniaya-kanak-kanak-dipenjara-12-bulan-jalani-khidmat</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2398874">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2398874</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/04/married-couple-nabbed-over-abuse-and-death-of-6yo-boy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/04/married-couple-nabbed-over-abuse-and-death-of-6yo-boy</a>	THESTAR.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>PELAJAR MENGAKU ROGOL GADIS 14 TAHUN DIHUKUM KHIDMAT MASYARAKAT 240 JAM</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/03/04/pelajar-mengaku-rogol-gadis-14-tahun-dihukum-khidmat-masyarakat-240-jam/">https://www.kosmo.com.my/2025/03/04/pelajar-mengaku-rogol-gadis-14-tahun-dihukum-khidmat-masyarakat-240-jam/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193125/khidmat-masyarakat-240-jam-kerana-rogol-gadis">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193125/khidmat-masyarakat-240-jam-kerana-rogol-gadis</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/04/rogol-remaja-penuntut-kolej-diarah-jalani-240-jam-khidmat-masyarakat/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/04/rogol-remaja-penuntut-kolej-diarah-jalani-240-jam-khidmat-masyarakat/</a>	FREEMALAYSITODAY.COM	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1368340/mengaku-salah-rogol-remaja-pelajar-kolej-dihukum-buat-khidmat-masyarakat">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1368340/mengaku-salah-rogol-remaja-pelajar-kolej-dihukum-buat-khidmat-masyarakat</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/04/college-student-gets-240-hours-of-community-service-for-raping-underaged-girl">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/04/college-student-gets-240-hours-of-community-service-for-raping-underaged-girl</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/pelajar-kolej-dihukum-khidmat-masyarakat-240-jam/">https://www.buletintv3.my/jenayah/pelajar-kolej-dihukum-khidmat-masyarakat-240-jam/</a>	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>WANITA DIPENJARA 10 TAHUN KERANA AMANG SEKSUAL ANAK PEREMPUAN JIRAN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dipenjara-10-tahun-kerana-amang-seksual-anak-perempuan-jiran-511039">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dipenjara-10-tahun-kerana-amang-seksual-anak-perempuan-jiran-511039</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/03/04/wanita-amang-seksual-remaja-perempuan-dijel-10-tahun/">https://www.kosmo.com.my/2025/03/04/wanita-amang-seksual-remaja-perempuan-dijel-10-tahun/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/04/wanita-amang-seksual-remaja-perempuan-dijel-10-tahun/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/04/wanita-amang-seksual-remaja-perempuan-dijel-10-tahun/</a>	FREEMALAYSITODAY.COM	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/715843/berita/semasa/wanita-dipenjara-10-tahun-amang-seksual-remaja-perempuan">https://www.sinarharian.com.my/article/715843/berita/semasa/wanita-dipenjara-10-tahun-amang-seksual-remaja-perempuan</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	<b>KES POLIS DIDAKWA LAKU GANGGUAN SEKSUAL DISERAH KE BUKIT AMAN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193227/kes-polis-didakwa-laku-gangguan-seksual-diserah-ke-bukit-aman">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193227/kes-polis-didakwa-laku-gangguan-seksual-diserah-ke-bukit-aman</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/715844/berita/semasa/kertas-siasatan-kes-gangguan-seksual-di-ipd-dirujuk-ke-bukit-aman">https://www.sinarharian.com.my/article/715844/berita/semasa/kertas-siasatan-kes-gangguan-seksual-di-ipd-dirujuk-ke-bukit-aman</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/kertas-siasatan-dakwaan-gangguan-seksual-polis-diserah-ke-bukit-aman-rusdi/">https://www.buletintv3.my/jenayah/kertas-siasatan-dakwaan-gangguan-seksual-polis-diserah-ke-bukit-aman-rusdi/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/04/probe-into-woman039s-allegation-of-sexual-harassment-by-policeman-referred-to-bukit-aman-says-kl-top-cop">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/04/probe-into-woman039s-allegation-of-sexual-harassment-by-policeman-referred-to-bukit-aman-says-kl-top-cop</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/03/1183545/updated-kl-police-refer-sexual-harassment-case-against-wangsa-maju">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/03/1183545/updated-kl-police-refer-sexual-harassment-case-against-wangsa-maju</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193238/siasatan-kes-gangguan-seksual-dibuat-telus-polis">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1193238/siasatan-kes-gangguan-seksual-dibuat-telus-polis</a>	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	<b>MEKANIK TIDAK MENGAKU AMANG SEKSUAL GADIS 16 TAHUN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2025/03/mekanik-tidak-mengaku-amang-seksual-gadis-16-tahun/">https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2025/03/mekanik-tidak-mengaku-amang-seksual-gadis-16-tahun/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/03/04/mekanik-didakwa-pegang-remaja-perempuan-16-tahun-tepi-jalan/">https://www.kosmo.com.my/2025/03/04/mekanik-didakwa-pegang-remaja-perempuan-16-tahun-tepi-jalan/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=UISjuyKnOkk">https://www.youtube.com/watch?v=UISjuyKnOkk</a>	YOUTUBE	



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



5/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	<b>PELAKU SEKSUAL DITAMPAR DENGAN SELIPAR</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/03/04/pelaku-seksual-ditampar-dengan-selipar/">https://www.kosmo.com.my/2025/03/04/pelaku-seksual-ditampar-dengan-selipar/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/03/04/dua-lelaki-nepal-ditahan-cuba-lakukan-gangguan-seksual/">https://malaysiagazette.com/2025/03/04/dua-lelaki-nepal-ditahan-cuba-lakukan-gangguan-seksual/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/04/two-nepalese-men-nabbed-for-sexually-harassing-a-woman">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/04/two-nepalese-men-nabbed-for-sexually-harassing-a-woman</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/715758/berita/semasa/dua-lelaki-nepal-ditahan-lakukan-gangguan-seksual-terhadap-wanita">https://www.sinarharian.com.my/article/715758/berita/semasa/dua-lelaki-nepal-ditahan-lakukan-gangguan-seksual-terhadap-wanita</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PINDAAN AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994 SENTIASA DIKAJI

HARI : RABU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 5 MAC 2025

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 sentiasa dikaji

**Kuala Lumpur:** Pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) serta perundangan lain yang berkaitan akan dikaji dari semasa ke semasa.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata ia bagi memastikan kawalan dan tindakan perundangan negara sentiasa ditambah baik.

Katanya, ini memandangkan kes keganasan rumah tangga dilaporkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mencatatkan peningkatan kepada 7,116 kes tahun lalu, berbanding 5,507 kes pada 2023.

"Kementerian ketika ini meletakkan fokus utama pengurusan kes keganasan rumah tangga dengan kerjasama strategik bersama agensi kerajaan serta pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Ia dibuat melalui penubuhan Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga (JKRT).

"JKRT memainkan peranan menyelaras dan memantau isu serta inisiatif berkaitan keganasan rumah tangga secara holistik, meliputi inisiatif seperti analisis ke atas data kes keganasan rumah tangga, aspek advokasi, bantuan perlindungan, khidmat sokongan dan pengupayaan diri," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Datuk Seri Aminuddin Harun (PH-Port Dickson) mengenai cadangan memperkatakan sebarang pindaan undang-undang dalam meningkatkan perlindungan bagi mangsa keganasan rumah tangga.

Noraini berkata, kementerian sedang mengemas kini Dasar dan Pelan Tindakan Keluarga Negara bagi memastikan dasar berkenaan selari struktur keluarga ketika ini.

Beliau berkata, inisiatif itu antara lain bertujuan melihat kepada kepentingan institusi keluarga yang kukuh sebagai asas pembinaan masyarakat.

"Menjadi harapan kementerian, dengan adanya struktur keluarga utuh dengan nilai kekeluargaan positif, secara tidak langsung dapat mengurangkan kes keganasan rumah tangga daripada berlaku.

"Melalui pendekatan menyeluruh *whole-of-government* dan *whole-of-society*, kementerian komited menangani kes keganasan rumah tangga kerana menerusi jaringan kerjasama dan sinergi multi-sektoral ini," katanya.

"Semua agensi dan lapisan masyarakat dapat memainkan peranan dan tanggungjawab bersama untuk memberi sokongan sosial kepada golongan memerlukan," kata Ahli Parlimen Parit Sulung itu.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : RISE IN DOMESTIC VIOLENCE CASES, 7,116 REPORTS IN 2024 - DEPUTY MINISTER

HARI : RABU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 5 MAC 2025

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

## Rise in domestic violence cases, 7,116 reports in 2024 — Deputy minister

**KUALA LUMPUR:** The number of domestic violence cases recorded by the Royal Malaysia Police rose to 7,116 last year compared to 5,507 cases in 2023, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Deputy Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Dr Noraini Ahmad said that following this, the need to amend the Domestic Violence Act 1994 and other related legislation would be reviewed from time to time to strengthen legal enforcement and control measures.

"At present, the Women, Family and Community Development Ministry is focusing on managing domestic violence cases through strategic cooperation with government agencies and non-governmental organisations via the establishment of the National Domestic Violence Committee.

"This committee plays a vital role in coordinating and monitoring issues and initiatives related to domestic violence holistically and comprehensively. This includes analysing case data, advocacy efforts, protection

assistance, support services and self empowerment."

She said this in response to a question from Datuk Seri Aminuddin Harun (PH-Port Dickson) on whether the ministry planned to introduce legal amendments to step up protection for domestic violence victims.

Recognising the importance of a strong family institution as the foundation of society, Noraini said the ministry is updating the National Family Policy and Action Plan to better reflect the

current family structure.

"The ministry hopes that a solid family structure and positive family values will indirectly reduce the number of domestic violence cases. Through a whole-of-government and whole-of-society approach, the ministry remains committed to tackling domestic violence.

"By leveraging multi-sectoral collaboration and synergy, all agencies and community levels can play their role in providing social support to those in need," she said. — Bernama



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm     

TAJUK :	DOMESTIC VIOLENCE CASES SURGE TO 7,100		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE SUN
TARIKH :	5 MAC 2025	M/SURAT :	03
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

## Domestic violence cases surge to 7,100

**KUALA LUMPUR:** The number of domestic violence cases recorded by police rose to 7,116 in 2024, compared with 5,507 in 2023.

Women, Family and Community Development Deputy Minister Datuk Seri Dr Noraini Ahmad said due to the increase, the need to amend the Domestic Violence Act 1994 and other related legislation will be reviewed periodically to strengthen legal enforcement and control measures.

“At present, the ministry is focusing on managing domestic violence cases through strategic cooperation with government agencies and non-governmental organisations via the establishment of the National Domestic Violence Committee.

“This committee plays a vital role in coordinating and monitoring issues and initiatives related to domestic violence holistically and comprehensively. This includes analysing case data, advocacy efforts, protection assistance, support services and self-empowerment,” she said.

Noraini was replying to Datuk Seri Aminuddin Harun (PH-Port Dickson), who asked whether the ministry planned to introduce legal amendments to enhance protection for domestic violence victims.

– Bernama

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## JKM Pahang nafi keluar surat tawaran sebut harga, setuju terima perabot



NIK AMIRUMUMIN NIK MIN

Follow

04 Mac 2025 02:49pm



Antara dokumen palsu berkaitan pembekalan perabot ke JKM Pahang yang tersebar.

KUANTAN - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang mengesahkan surat tawaran sebut harga dan setuju terima perabot untuk mangsa banjir yang tersebar adalah palsu.

Menurutnya, dokumen menggunakan kepala surat JKM bukan dikeluarkan pihaknya, sebaliknya dipercayai satu cubaan penipuan.

JKM Pahang menegaskan, dokumen tersebut mengandungi maklumat tidak benar dan tiada pengesahan rasmi jabatan.

Katanya, semua pihak yang menerima dokumen itu dinasihatkan tidak mengambil sebarang tindakan lanjut atau berurusan mana-mana pihak berkaitan surat berkenaan.

"JKM Pahang mengingatkan semua pihak sentiasa berwaspada terhadap cubaan penipuan sebegitu kerana boleh membawa implikasi kewangan dan reputasi kepada organisasi serta individu terlibat.

"Jika terdapat sebarang keraguan mengenai kesahihan dokumen atau surat-menyurat rasmi jabatan boleh menghubungi atau membuat pengesahan melalui laman rasmi JKM Pahang," katanya melalui satu kenyataan di Facebook pada Selasa.

Jelasnya, JKM Pahang tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang urusan atau transaksi dibuat berdasarkan dokumen palsu itu.

"Tindakan undang-undang akan dipertimbangkan terhadap mana-mana pihak terlibat dalam penyebaran maklumat palsu ini," ujarnya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PM HULUR SUMBANGAN UNTUK WARGA EMAS JAGA CUCU OKU

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 5 MAC 2025

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK



AHMAD Farzan menyampaikan sumbangan kepada Mazanah bagi pihak Anwar.

## PM hulur sumbangan untuk warga emas jaga cucu OKU

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menghulurkan sumbangan kepada warga emas Mazanah Hashim yang memelihara cucu orang kurang upaya (OKU) di Permatang Pasir, Permatang Pauh, Pulau Pinang.

Sumbangan berbentuk wang tunai itu disampaikan Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Ahmad Farzan Fauzi bagi meringankan beban keluarga

berkenaan.

“Beban hidup yang dipikulnya amat berat dan saya hadir bukan sekadar untuk menyantuni, tetapi juga untuk membantu mengeluarkan beliau daripada kelompok miskin tegar,” kata Ahmad Farhan dalam catatan menerusi Facebooknya.

Namun, katanya, usaha itu tidak terhenti dan melalui kerjasama Zakat Pulau Pinang serta Jabatan Ke-

bajikan Masyarakat (JKM), bantuan susulan akan terus disampaikan bagi memastikan wanita berkenaan keluar daripada kemiskinan tegar dengan segera.

“Saya berharap dengan ikhtiar ini, Puan Mazanah dan keluarganya dapat menjalani kehidupan lebih baik tanpa lagi dihimpit kesusahan. Semoga masa depan mereka lebih terjamin dan dipermudah segala urusan,” katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Keganasan rumah tangga: Elak pelaku terus bebas

March 4, 2025



Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff.

**KUALA LUMPUR:** Isu penarikan semula laporan keganasan rumah tangga perlu ditangani secara menyeluruh, kata Dato' Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang).

Ini, ujarnya bagi memastikan pelaku tidak terus terlepas daripada hukuman dan mangsa mendapat perlindungan sewajarnya.

Tambahnya, banyak kes yang hampir selesai disiasat akhirnya digugurkan apabila mangsa menarik semula laporan mereka.

"Apakah langkah kerajaan untuk memastikan pelaku tidak terus bebas dan mengulangi keganasan?"

"Bagaimana kerajaan menangani kelemahan penguatkuasaan, khususnya kelewatan dalam memberikan perlindungan kepada mangsa yang melaporkan penderaan?" soalnya.

Beliau menyatakan demikian ketika mengemukakan soalan tambahan dalam sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Menjawab soalan itu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata Kementerian sedar akan isu tersebut dan telah menubuhkan jawatankuasa khas bagi menanganinya.

"Di bawah Kementerian, terdapat satu jawatankuasa menangani keganasan rumah tangga, termasuk jawatankuasa kerja bagi pemantauan, advokasi, dan pembangunan kapasiti dalam isu ini," katanya. – **HARAKHADAILY 4/3/2025**

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## OKU perlu keyakinan diri untuk masuki dunia pekerjaan

Oleh **Pendapat** - 4 March 2025



Gambar hiasan

**KURANG** upaya boleh dikategorikan kepada banyak jenis antaranya kecacatan penglihatan, kecacatan pendengaran, kecacatan mental, kecacatan intelek, kecederaan otak, gangguan spektrum autisme, dan kecacatan fizikal. Seperti individu normal, orang kurang upaya juga memerlukan pekerjaan untuk meneruskan kehidupan. Tanpa pekerjaan, mereka mungkin bergantung kepada orang lain seperti ibu bapa dan juga kerajaan.

Malangnya, pelbagai halangan yang masih berleluasa di Malaysia hari ini menyumbang kepada beberapa cabaran yang dihadapi oleh orang kurang upaya. Halangan ini termasuklah kebolehpasaran yang terhad, struktur pendidikan yang tidak mencukupi, dan faktor kemiskinan, yang mana ia memberi kesan negatif kepada kualiti hidup orang kurang upaya. Faktor sedemikian sering membawa kepada akibat yang tidak diinginkan bagi mereka seperti pengecualian sosial, stereotaip dan persepsi negatif, kesusahan kewangan, serta cabaran dalam bidang kesihatan fizikal dan mental.

Dalam konteks Malaysia, kesejahteraan psikologi dan mental golongan kurang upaya (OKU) kurang mendapat perhatian sewajarnya oleh bidang profesional membantu kerana disiplin perhubungan menolong seperti kaunseling lebih menumpukan kepada golongan bukan OKU. Terdapat pelbagai jenis OKU seperti OKU fizikal dan OKU mental. Sesetengah golongan OKU mental seperti OKU intelektual atau mereka yang mempunyai masalah pembelajaran tidak mendapat perhatian kerana anggapan bahawa golongan ini tidak berupaya dari segi mental untuk berfikir dan bertindak.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa meramalkan 386 juta orang dalam umur bekerja di dunia mempunyai beberapa jenis hilang upaya, dengan kadar pengangguran setinggi 80 peratus di beberapa negara (International Labor Organization, 2024). Tiada data spesifik berkenaan pekerjaan dan pengangguran orang kurang upaya di Malaysia.

Walau bagaimanapun, data dari 2018 menunjukkan kira-kira 4,500 orang kurang upaya bekerja di kedua-dua sektor awam dan swasta. Ini adalah kira-kira 1.4% daripada orang dewasa kurang upaya dalam umur bekerja (320,870) yang diketahui dalam daftar Orang Kurang Upaya Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun tersebut.

Sementara itu, pada tahun 2021, hanya 0.35% pekerja dalam perkhidmatan awam adalah orang kurang upaya, jauh lebih rendah daripada dasar yang menasarkannya kuota 1% dalam sektor awam (OKU Right Matters, 2024). Menyedari pentingnya orang kurang upaya memiliki pekerjaan, Bengkel Daya Klang, sebuah pusat latihan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, menyediakan pelbagai bentuk latihan yang membolehkan mereka memiliki kemahiran sebelum memasuki dunia pekerjaan.

Namun, satu elemen penting yang tidak boleh diabaikan ialah tahap keyakinan mereka sendiri untuk memasuki dunia pekerjaan. Halangan dari persekitaran, keluarga, dan masyarakat mungkin membantutkan usaha mereka untuk menjadi sebahagian daripada ahli masyarakat yang bekerja.

Menyedari kepentingan meningkatkan keyakinan dalam membuat keputusan kerjaya, penyelidik dan kaunselor dari Fakulti Pendidikan dan Fakulti Ekonomi serta Pentadbiran dengan kerjasama Bengkel Daya Klang dan Pusat Pengajian Pembangunan Ungku Aziz, Universiti Malaya, telah menjalankan bimbingan kerjaya dan psikososial ke atas 12 orang kurang upaya terpilih selama 12 sesi.

Tujuan utama bimbingan ini adalah untuk meningkatkan keyakinan diri mereka dalam membuat keputusan berkaitan kerjaya dan seterusnya memiliki jati diri untuk bersaing dalam masyarakat. Program ini juga diharapkan dapat membantu mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan status kewangan mereka. Peserta program ini adalah mereka yang mendaftar di Bengkel Daya Klang bagi mendalami kemahiran dalam pelbagai bidang, termasuklah kulinari dan pertanian. Usia mereka merangkumi remaja hingga dewasa.

Program ini dijalankan dalam beberapa fasa dengan mengambil kira keperluan peserta yang mempunyai masalah pembelajaran, menyebabkan proses bimbingan memerlukan masa yang lebih lama berbanding individu biasa. Pada fasa awal, peserta diberikan bimbingan untuk mengenali diri mereka sendiri dan memahami peranan mereka dalam persekitaran keluarga serta masyarakat.

Setelah mereka memahami identiti diri, peserta dibantu untuk melihat kepentingan pekerjaan dan kerjaya dalam kehidupan. Fasa seterusnya melibatkan pepadanan diri dengan pekerjaan yang sesuai berdasarkan minat dan keupayaan mereka. Program bimbingan ini bermula pada Disember 2024 dan dijangka berakhir pada Mac 2025.

Memiliki kerjaya membantu seseorang berfungsi dalam masyarakat dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan, sekaligus mengurangkan kadar kemiskinan. Program bimbingan psikologi dan penyesuaian kerjaya ini diharapkan dapat meningkatkan jati diri orang kurang upaya agar mereka lebih berdaya dan berperanan dalam masyarakat.

Selain memberi impak kepada komuniti OKU melalui penyampaian ilmu dan kemahiran berkaitan kesihatan psikologi dan kerjaya, program ini turut memberikan manfaat kepada negara dengan memastikan OKU mendapat perkhidmatan yang inklusif. Dengan bimbingan yang sesuai, golongan ini berpeluang mengurangkan kebergantungan kepada sistem bantuan dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, kejayaan program ini juga mampu mempengaruhi polisi dan dasar kerajaan dengan menunjukkan keperluan untuk mempertimbangkan kesejahteraan rakyat tanpa mengira latar belakang, selari dengan aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih inklusif.



**Prof. Dr. Melati Sumari**  
Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling,  
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENGASUH DIHUKUM PENJARA 12 BULAN

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 5 MAC 2025

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## TOREH MUKA BUDAK

### *Pengasuh dihukum penjara 12 bulan*

**Seremban:** Pengasuh dijatuhi hukuman penjara 12 bulan atas pertuduhan menganiaya atau bertindak cuai terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal, tahun lalu.

Hakim Datin Surita Budin menjatuhi hukuman itu terhadap tertuduh, Siti Nur Syafiqah Abdul Rahman, 23, yang membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan dibacakan.

Siti Nur Syafiqah turut diperintah menjalani khidmat masyarakat selama 120 jam dalam tempoh enam bulan selepas selesai hukuman penjara.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap seorang kanak-kanak berusia tiga tahun (ketika kejadian) telah menganiaya atau bertindak secara cuai dengan cara yang mungkin menyebabkannya mengalami kecederaan fizikal iaitu mencakar, menoreh pipi kanan serta mencubit tangan (kesan lebam).

Kesalahan itu dilakukan jam 12 tengah malam, 4 November 2024 di sebuah bilik sewa di Jalan BBN 1/3K, Putra Point Nilai, Nilai.

Pendakwaan dibuat me-

ngikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara yang boleh sampai 20 tahun atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya Norazihah Asmuni dalam hujahannya memberitahu, tertuduh sebagai pengasuh yang diberi amanah menjaga mangsa yang ketika kejadian berusia tiga tahun telah menggunakan pisau sehingga mendatangkan kecederaan.

“Mohon mahkamah mengenakan hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat, mengambil kira kepentingan awam,” katanya.

Peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Muhammad Hafiz Leman yang mewakili tertuduh memohon hukuman penjara minimum.

“Tertuduh dijanjikan upah RM600 bagi seorang anak tetapi telah menjaga tiga beradikt, termasuk mangsa, dengan bayaran hanya RM600.

“Saya percaya mangsa tidak mengalami kecederaan serius dan telah sembuh, tertuduh telah insaf dan akan lebih berhati-hati pada masa hadapan,” katanya.



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	12 MONTHS' JAIL FOR NANNY		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	5 MAC 2025	M/SURAT :	11
STONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## 12 months' jail for nanny

### Minder also gets community service for abusing baby boy

By **SARBAN SINGH**  
sarbans@thestar.com.my

**SEREMBAN:** A 23-year-old babysitter who used a knife to cut the right cheek of a baby boy until he bled and pinched his arm causing swellings has been jailed for 12 months.

Siti Nur Syafiqah Abdul Rahman was also ordered to undergo 120 hours of community service within six months after completing her sentence.

"You are also to deposit a RM1,000 good behaviour bond with one surety, failing which you will serve an additional two

months in jail," Sessions Court judge Surita Budin told her.

Siti Nur Syafiqah pleaded guilty after she was charged with negligence and causing hurt by exposing the three-year-old left under her care to danger. Her jail term starts from the day of her arrest on Nov 5 last year.

She was charged with committing the offence in a room of a unit at Putra Point in Nilai at around midnight of Nov 4 last year.

She was charged under Section 31(1)(a) of the Child Act 2001, punishable under Section 31(a) of the same legislation and could

have been jailed up to 20 years or fined up to RM50,000.

In mitigation, counsel Muhammad Hafiz Leman appealed for a minimum jail sentence as this was Siti Nur Syafiqah's first offence and that she was remorseful.

He said she had moved here from Sarawak in search of a job to provide for her family back home.

"She was also looking after two of the victim's older siblings and had been promised RM600 for each of them.

"However, she was only paid RM600 in total," he claimed, adding that she was forced to resort

to selling products online to complement her income.

Muhammad Hafiz, from the Legal Aid Department, said the accused had also saved the court's time by pleading guilty.

"Also, the victim did not sustain serious injuries and has since fully recovered," he said.

Deputy public prosecutor Noraziah Asmuni asked the court to impose a punishment which would be a deterrent.

"Saving the court's time should not be used as a mitigating factor as the accused had caused injury with a knife on a three-year-old child," she said.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENUNTUT KOLEJ KENA HUKUMAN KHIDMAR MASYARAKAT 240 JAM

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 5 MAC 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## NODA REMAJA

### Penuntut kolej kena hukuman khidmat masyarakat 240 jam

**Seremban:** Penuntut kolej dikenakan khidmat masyarakat 240 jam dalam tempoh 12 bulan selepas mengaku bersalah merogol remaja berusia 14 tahun, hujung tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Amirullah Zaazuren, 19, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Datin Surita Budin, semalam, selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa.

Mengikut pertuduhan, tertuduh merogol seorang remaja perempuan berusia 14 tahun (ketika kejadian) di sebuah rumah di Felda Raja Alias 2, Jempol, jam 12.30 tengah malam, 30 Disember 2024.

Justeru, tertuduh melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan, sabit kesalahan boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan sebat.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon supaya mahkamah mengurangkan jumlah bon kerana ibunya mempunyai hutang dengan bank.

Pada prosiding itu juga, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut membentangkan laporan sosial tertuduh.

Manakala Timbalan Pendakwa Raya Noraziah Asmuni memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal terhadap tertuduh dengan mengambil kira kepentingan awam dan keseriusan kes.

Mahkamah memerintahkan tertuduh menjalani khidmat masyarakat selama 240 jam dalam tempoh 12 bulan dengan cagaran bon RM4,000.

Tertuduh juga diarahkan melapor diri di balai polis pada setiap 1 hari-bulan dan hadir sesi kaunseling serta aktiviti diatur JKJ.

Jika tertuduh gagal menyempurnakan syarat berkenaan, dia dibicarakan semula mengikut pertuduhan dan hukuman asal selain bon dirampas.



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm MALAYSIA MADANI

TAJUK :	SINGLE MOTHER JAILED 10 YEARS FOR PHYSICAL SEXUAL ASSAULT ON NEIGHBOUR'S DAUGHTER		
HARI :	RABU	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	5 MAC 2025	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Single mother jailed 10 years for physical sexual assault on neighbour's daughter

**PUTRAJAYA:** A single mother was sentenced to 10 years in prison by the Sessions Court here yesterday for sexually assaulting her neighbour's 13-year-old daughter two years ago.

Judge Datin M. Kunasundry handed down the sentence on the 36-year-old mother of two, after finding that the defence had failed to raise reasonable doubts at the end of the defence case.

"After examining and considering all the evidence of the prosecution and defence witnesses, the court finds that the prosecution has succeeded in establishing the case beyond reasonable doubt.

"Therefore, the accused is convicted of the offence charged," said the judge, who ordered the prison sentence to be served from yesterday.

The accused was charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 with committing the act at her house in Petaling Jaya at 5pm on May 26, 2023.

The judge also dismissed an application by the accused's lawyer M. Soosai Raj from the National Legal Aid Foundation for a stay of the sentence.

The accused, who works as a cashier at a convenience store, was also ordered to undergo counselling while in prison, and to be placed under police supervision for one year after her release. — Bernama

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : SUAMI ISTERI DISYAKI DERA ANAK ASUHAN SAMPAI MATI

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 5 MAC 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## *Suami isteri disyaki dera anak asuhan sampai mati*



**“Hasil bedah siasat menemui 20 kecederaan pada kepala, badan, tangan dan kaki dipercayai akibat hentakan benda tumpul”**

*Ketua Polis Kuala Lumpur, Rusdi Mohd Isa*

**Kuala Lumpur:** Polis menahan suami isteri kerana disyaki mendera seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun sehingga menyebabkan kematian di Kpong, kelmarin.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa berkata, pihaknya menerima laporan daripada pegawai perubatan berusia 37 tahun jam 7.30 pagi berhubung kejadian.

Menurutnya, mangsa dibawa ke hospital dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh pengasuh wanita.

“Hasil bedah siasat me-

nemui 20 kecederaan pada kepala, badan, tangan dan kaki dipercayai akibat hentakan benda tumpul.

“Susulan itu, kami menahan pengasuh dan suaminya berusia 25 tahun bagi membantu siasatan,” katanya sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, di sini, semalam.

Rusdi berkata, siasatan mendapati mangsa dijaga pengasuh wanita terbabit sejak dua bulan lalu dengan bayaran RM800.

Mangsa tinggal dengan pasangan itu selepas di-

hantar sebulan sekali oleh ibunya berusia 27 tahun kerana bekerja syif sebagai pegawai pemasaran.

“Maklumat awal mendapati ibu bapa mangsa bercerai. Suspek lelaki bekerja sebagai penunggang p-hailing, manakala wanita terbabit hanya bekerja sebagai pengasuh mangsa.

“Kecederaan hanya ditemukan pada badan mangsa. Suspek direman bermula hari ini (semalam),” katanya.

Pasangan terbabit ada tiga anak berusia empat hingga tujuh tahun.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Mekanik tidak mengaku amang seksual gadis 16 tahun



ANGGOTA polis membawa Ahmad Khairuddin Khalid (tengah) di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/ROSALWANI CHE SOH

Oleh ROSALWANI CHE SOH 4 Mac 2025, 1:12 pm

KOTA BHARU: Seorang mekanik mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang remaja perempuan berusia 16 tahun di tepi jalan di Kuala Krai, dekat sini, Disember tahun lalu.

Tertuduh, Ahmad Khairuddin Khalid, 30, membuat pengakuan tidak bersalah itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abllah. Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal dengan maksud seksual terhadap seorang remaja perempuan yang berusia 16 tahun lima bulan semasa kejadian.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di kawasan tepi jalan di kawasan Kampung Enggong, Kuala Krai dekat sini kira-kira pukul 2.30 petang pada 8 Disember 2024.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin termasuk syarat tambahan iaitu tidak mengganggu saksi dan mangsa selain 17 April ini untuk sebutan semula kes. Tertuduh membayar jaminan yang ditetapkan mahkamah. – **UTUSAN**

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## [VIDEO] Pelaku seksual ditampar dengan selipar

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB 4 Mac 2025, 8:48 am



Dua suspek yang ditahan orang awam di sebuah pangsapuri di Taman Bukit Subang Seksyen U16, Shah Alam.

SHAH ALAM – Tindakan dua lelaki warga Nepal melakukan gangguan seksual terhadap seorang wanita tempatan memakan diri apabila dicerca di Taman Bukit Subang Seksyen U16, di sini baru-baru ini.

Kedua-dua suspek berusia 38 dan 44 tahun itu berjaya ditangkap dengan bantuan orang awam sebelum diserahkan kepada polis dalam kejadian pada 26 Februari lalu.

Insiden tersebut tular menerusi video berdurasi dua minit 39 saat di media sosial dengan suspek 'dibelasah' termasuk menggunakan selipar.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd. Iqbal Ibrahim berkata, pihaknya menerima laporan kira-kira 6.04 petang daripada mangsa yang menyatakan telah diganggu seorang lelaki warga Nepal tidak dikenali semasa berada di bawah blok sebuah pangsapuri.

Katanya, mangsa telah dipanggil oleh suspek sambil memasukkan tangannya ke dalam seluar dan membuat isyarat lucah ke arah pengadu.

"Mangsa telah naik semula ke rumahnya sebelum diekori oleh suspek bersama seorang lagi rakan senegarannya.

"Suspek telah bertindak agresif dengan memegang pintu grill sambil memanggil pengadu keluar dari rumah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau menambah, mangsa yang takut kemudiannya telah menghubungi abang saudaranya sebelum suspek berjaya ditahan bantuan orang awam.

Ujarnya, kedua-dua suspek yang tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri tersebut kemudiannya diserahkan kepada pihak polis.

"Kedua-dua lelaki itu kini direman selama 14 hari bermula 27 Februari sehingga 12 Mac depan dengan kes disiasat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

"Mana-mana individu yang mempunyai maklumat lanjut boleh menghubungi Pegawai Penyiasat Sarjan Ayu Asliza Othman ditalian 019-399 4871," jelasnya. – KOSMO! ONLINE